

Nama Tingkatan **5**



قَسْرَتِيَا عَنْ قَعْنُوَا اِذَا مَجْلِسِيَا فَعْتَوَل
 وَمَجْمَعِيَا كَرِيْمِيَا نَسْكَوَا بِرَمْنَجِيَا وَكَامِيَا (عَرَبِيَا) بِنْتَوَا
 يَا يَاسَنَ اِسْلَامَ كَلْتَنَ



1103/1
 Bahasa
 Melayu
 Kertas 1
 Ogos
 2013
 2 $\frac{1}{4}$ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013**

BAHASA MELAYU
 Kertas 1

TINGKATAN 5
 Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak


Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]


[30 markah]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada hidupan liar yang mengalami ancaman kepupusan. *Huraikan pendapat anda tentang punca-punca berlakunya kepupusan hidupan liar di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 perkataan.*

KEPUPUSAN HIDUPAN LIAR



PUNCA-PUNCA KEPUPUSAN HIDUPAN LIAR



Bahagian B*[100 markah]**[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]*

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Sekolah anda akan menganjurkan "Minggu Kebersihan dan Keceriaan Sekolah"

Berikan pendapat anda tentang program-program yang perlu dijalankan sepanjang minggu tersebut.

2. Slogan "Membaca Jambatan Ilmu" menunjukkan bahawa budaya membaca akan melahirkan masyarakat yang berilmu dan mendatangkan faedah yang besar kepada negara.

Huraikan peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan keluarga mereka.

3. Malaysia berpotensi menjadi destinasi pelancongan utama di rantau ini.

Bincangkan sumbangan sektor pelancongan kepada negara Malaysia.

4. Dunia telah dikejutkan dengan penularan beberapa jenis wabak yang berbahaya seperti SARS, wabak Influenza A (H1N1) dan H1N7. Wabak ini boleh berjangkit dengan cepat dan mendatangkan maut dalam masa yang singkat.

Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh negara di dunia pada hari ini untuk menangani wabak yang menakutkan ini.

5. Hasil karya kreatif seperti cerpen dan novel kurang diminati oleh golongan remaja.

Bincangkan.

Nama Tingkatan



فَرَسِيكَ عَزَّ وَجَلَّ اِرْتَجَلِيْنِيْ وَفَحْتَوَا
وَمَجْمَعًا كَرِيْمًا يَسْكُوْنُ لِيْمِنْجَاوَا كَامِرًا (عَرَبِيًّا) يَنْوَلِيْ
يَا اِيَّاسَن اِسْلَامَ كَلْتَن



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2013
2 ½ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013**

BAHASA MELAYU
Kertas 2

TINGKATAN 5
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan-kesan kemasukan pendatang asing tanpa izin dan langkah-langkah untuk mengatasinya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara kita sudah bermula sejak abad yang ke-16 lagi. Peringkat awal kemasukan pendatang asing kebanyakannya terdiri daripada penduduk Indonesia, Thailand dan Filipina. Kebelakangan ini pergerakan masuk mula dibanjiri oleh pendatang dari Myanmar, Vietnam, Kemboja, Laos, Bangladesh, Afrika Selatan, China, dan Pakistan. Mereka datang beramai-ramai melalui jalan laut dan jalan darat dengan bantuan sindiket yang licik.

Kebanjiran pendatang asing tanpa izin ke negara ini telah banyak menimbulkan masalah jenayah dalam kalangan mereka. Pembunuhan dan pergaduhan sesama mereka sering berlaku di rumah kongsi. Lantaran itu, mereka sewenang-wenangnya menggunakan kesempatan tersebut ibarat pepatah, sambil menyelam minum air untuk melakukan jenayah secara berselindung tanpa diketahui oleh pihak berkuasa tempatan. Imej negara Malaysia di persada dunia akan tercalar angkara perbuatan jahat yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin ini. Mereka sering melakukan rompakan, ragut, rogol dan sebagainya ke atas penduduk tempatan. Sindiket penipuan ke atas pelancong asing seperti menggunakan pas lawatan palsu dan penyebaran wang palsu juga didalangi oleh golongan ini. Kadang-kadang mereka menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran dadah yang bernilai jutaan ringgit dengan menggunakan pelancong asing sebagai keldai dadah. Oleh itu kemasukan pelancong asing semakin merosot kerana mereka bimbang akan keselamatan mereka. Pelancong asing berasa takut apabila mereka berada di kawasan Brickfields, Bukit Bintang, Chow Kit, Bangsar dan lain-lain kerana kawasan ini sering menjadi tumpuan kegiatan jenayah pendatang asing tanpa izin.

Kemasukan pendatang asing tanpa izin akan menyebabkan kadar pertumbuhan penduduk semakin meningkat. Hal ini demikian juga akan menyebabkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor khususnya sektor pembuatan, perladangan, restoran, hotel dan perindustrian dimonopoli oleh mereka. Penduduk tempatan akan kehilangan peluang pekerjaan kerana pihak majikan akan mengupah pendatang tersebut dengan kadar yang lebih murah. Pada tahun 2012 tidak kurang daripada 2.3 juta orang pendatang asing berada di negara Malaysia. Sebilangan besar mereka bekerja sebagai pembantu rumah, buruh binaan dan pekerja di ladang kelapa sawit. Purata pendapatan bulanan mereka sekitar RM600 hingga RM1,200. Hal ini demikian akan menyebabkan aliran wang negara keluar semakin meningkat dan boleh mencecah lebih daripada RMI.2 bilion setahun. Wang pendapatan itu tidak dibelanjakan secara menyeluruh di negara kita tetapi sebaliknya dihantar kepada keluarga di kampung halaman mereka.

Sumber pendapatan negara daripada hasil cukai pendapatan akan menjadi berkurangan. Hal ini demikian kerana golongan pendatang asing tanpa izin ini tidak membayar cukai pendapatan kepada kerajaan sedangkan mereka terdiri daripada golongan berpendapatan tinggi. Kebanyakan mereka telah melibatkan diri dalam perniagaan, misalnya membuka gerai makanan, menjual barang kemas, lampu hiasan, batik dan

sebagainya. Mereka juga berjaya membuka ladang, menjadi kontraktor dan memiliki rumah yang besar. Oleh hal yang demikian situasi ini pasti tidak adil kepada rakyat kita.

Selain itu, kerajaan juga terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk membina kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, elektrik dan air di kawasan petempatan pendatang ini. Justeru, banyak kawasan *petempatan setinggan* wujud di kawasan pinggir ibu kota yang telah mencacatkan imej negara. Petempatan seperti ini juga dibina di kawasan hutan dan ladang kelapa sawit.

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk membanteras kemasukan pendatang asing tanpa izin namun kebanjirannya terus meningkat saban tahun. Walaupun negara kita memerlukan banyak tenaga kerja daripada golongan pendatang namun kemasukan mereka mengundang banyak keburukan daripada kebaikan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "*Pendatang Asing Tanpa Izin: Apa Sudah Jadi?*" oleh Nur Malini binti Abas, *Dewan Siswa*, Januari, 2012)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *petempatan setinggan*.
[2 markah]
- (ii) Mengapakah imej negara Malaysia di persada dunia tercalar akibat perbuatan jahat yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia menjadi destinasi utama kemasukan pendatang asing tanpa izin di rantau ini?
[4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SANI: Sani yakin, emak. Sani yakin bapa masih hidup.

SABARIAH: (*Meninggikan suara dari jauh*) Sani! Kenapa bagi harapan yang kosong pada emak? Engkau ni siapa yang hendak memandai-mandai? Cermin muka kau tu. Jangan hendak berdolak-dalik dalam soal kematian. Berterus-terang saja. Hoi, kau ingat laut itu macam air kolah masjidkah? Tak nampakkah macam mana ombak tsunami itu musnahkan harta benda di pantai? Bapa dalam laut ketika itu. Kalau di atas daratan habis hancur musnah, di dalam laut tu apatah lagi. Cuba buang khayalan kau itu. Jangan hendak tunjuk pandai. Engkau orang luar. Bukan keluarga kami. Sudah dapat menumpang ini pun sudah kira bagus, tahu.

SANI: (*Terasa dengan sindiran SABARIAH tetapi tetap bersabar*) Kakak, jangan cakap begitu, kak.

SABARIAH: Habis kau hendak suruh buat macam mana? Cium kau? Sujud dekat kaki kau? Jangan hendak perasan, Sani. Jangan hendak tunjuk baik kau itu. Yang hilang itu bapa aku. Bapa aku. Kau tidak ada kena-mengena dalam perkara ini.

SANI: Kak..... Bukan itu maksud Sani, kak.....

SABARIAH: Jangan panggil aku kakak kau.

SABRI: Angah! (*Cuba meleraikan pertengkaran*)

SABARIAH: Kau ingat, Sani! Aku lebih dulu makan garam daripada engkau. Kau jangan hendak memandai-mandai. Kaubuat urusan engkau sendiri. Jangan campur urusan orang. Sudah mak, mari balik. Emak raung dengan air mata darah pun sudah tidak berguna lagi. Bapa sudah tidak ada. Mayatnya mungkin sudah hilang.

SABRI: (*Meluru ke arah SABARIAH*) Hiss, apa ini angah? Jangan ditengking herdik Sani tu. Tidak tengok emakkah? Jaga sikit mulut itu.

(Dipetik daripada drama "*Tiang Cengal Dinding Sayung*," oleh Suriani Mohd. Yusof, dalam *Antologi Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010)

(i) Apakah tanggapan Sabariah terhadap bapanya?

[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah pertelingkahan dalam kalangan keluarga sering berlaku?

[4 markah]

(iii) Huraikan dua pengajaran yang terdapat dalam petikan drama di atas dan satu pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[3 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta berapa lamanya Khoja Maimun belayar itu, maka datanglah cubaan Allah Taala atas hambanya, dengan demikian dicetera akan orang yang empunya cetera itu. Selama peninggalan Khoja Maimun belayar itu, sebermula ada pada suatu hari maka Bibi Zainab pun bercintalah akan suaminya. Maka ia pun pergilah duduk di tingkap mahligainya berangan-angan serta memandang pada jalan seraya itu maka pada ketika itu terpanglah kepada anak raja di dalam negeri itu lalu berkuda hampir dengan mahligai isteri Khoja Maimun. Pada tatkala Bibi Zainab pun memandang ke bawah maka terpanglah kepada muka anak raja itu, pemandangan Bibi Zainab terlalu elok rupanya anak raja itu. Sebermula anak raja pun memandang kepada isteri Khoja Maimun, terlalu baik parasnya sama berjumpa matanya lalu dibawanya tersenyum oleh anak raja itu. Dengan takdir Allah Taala maka anak raja itu pun berahilah akan Bibi Zainab itu. Adapun akan Bibi Zainab itu pun tersangkutlah hatinya akan anak raja itu.

Setelah sudah maka anak raja itu pun menyimpang ke rumah seorang perempuan. Setelah sampai anak raja itu pun berkata kepada perempuan itu, "Hai ibuku, pergilah sampaikan kepada perempuan itu, katakan aku suruh kepada orang itu, katakan aku berkehendakkan dia dengan barang-barang tipu daya ibu akan meluluskan maksud aku ini!" Setelah didengar oleh orang tua itu segeralah ia pergi kepada isterinya Khoja Maimun itu. Setelah ia sampai, maka segala pesan anak raja itu *habis sekaliannya dikatakannya* oleh perempuan tua itu, serta dengan manis mulutnya berkata-kata, berapa peluk cumbu-cumbuan akan yang memberi berahi dikatakannya.

(Dipetik daripada cerita "*Hikayat Khoja Maimun*," dalam *Antologi Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009)

- (i) Apakah maksud rangkai kata "*habis sekaliannya dikatakannya*" dalam petikan di atas?
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah tindakan anak raja itu setelah melihat wajah Bibi Zainab?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang suami dapat menjaga hubungan baik dengan isteri mereka?
[3 markah]

Soalan 2 (d) Puisi

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR DEFINISI ORANG BERAKAL

Orang berakal sangatlah mulia,
Pakaian anbia dan aulia,
Barang siapa mengikut dia,
Itulah tanda orang bahagia.

Kerana ia akalnya tajam,
Menjadi kepala bela bermacam,
Jikalau mata melihat kejam,
Disebutlah jalannya ia tersunjam.

Telek pandangan dengan makrifat,
Sangatlah mengasihi tuan dan sahabat,
Tiada mengasihi orang yang jahat,
Takut akhirnya menjadi fazihat.

Sebagai lagi tanda berakal,
Perintah syarak tidak menyangkal,
Menjauhkan tamak hendak tawakal,
Ibanya tahu dunia tak kekal.

Jika ia dikasihi raja,
Tiadalah ia melanja-lanja,
Tiadalah menyombong pada bekerja,
Dengan taulannya bersamaan sahaja.

Apabila raja kasih sangat,
Makin itu makin ia ingat,
Segala taulannya hatinya dihambat,
Merendahkan diri serta berkhidmat.

Demikian lagi dengar olehmu,
Tanda berakal kasihkan ilmu,
Suka mentelaah tiadalah jemu,
Mencari kupasan jangan tersemu.

(Dipetik dalam *Antologi Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009)

- (i) Apakah maksud "*mencari kupasan jangan tersemu*" dalam rangkap akhir syair di atas?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah ciri-ciri orang yang tidak berakal?
[4 markah]
- (iii) Huraikan tiga nilai murni yang terdapat dalam syair di atas.
[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) akauntan - orang yang menguruskan akaun
 (ii) akrobat - orang yang membuat pertunjukan dengan menggunakan tenaga fizikal
 (iii) aktivis - orang yang berkecimpung dalam aktiviti sosial
 (iv) aktor - pelakon
 (v) angkasawan - ahli angkasa
 (vi) atlet - ahli sukan

[6 markah]

- (b) Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal.

- (i) Datuk Jaafar akan bertolak ke Medan/pada hujung minggu ini.
 (ii) Penternak ikan di kawasan Tasik Chini mengalami kerugian/kerana hasil ternakan mereka diserang penyakit.
 (iii) Kemalangan ngeri itu berlaku di Tampin/dan meragut tiga orang pelancong dari Jerman.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Rubiah membawa satu bungkusan ole-ole yang dibelinya di Sarawak untuk menyampaikan kepada Mary yang terlantar di Hospital Muar.
 (ii) Isu penglibatan pelajar dalam gejala samseng dan gangsterisme telah membimbangkan masyarakat kerana boleh terancam keselamatan negara.
 (iii) Penduduk kampung menjadi gempar dan berada dalam menakutkan setelah Mak Limah terserempak dengan pontianak yang sedang merayau-rayau pada waktu malam.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Kajian menunjukkan bahawa tidur yang mencukupi mampu meningkatkan keupayaan untuk belajar dan membantu di dalam memelihara daya ingatan seseorang.
 - (ii) Malaysia perlu mengamati negara-negara maju yang menggunakan Internet untuk penyelidikan dalam berbagai bidang seperti perubatan, perniagaan, pembinaan dan pertanian.
 - (iii) Penyakit demam denggi yang berpunca dari nyamuk aedes merupakan ancaman yang merunsingkan negara kerana wabak ini boleh mendatangkan maut.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudiam kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang berbeza dalam petikan tersebut.*

Suraya masih memegang status kerakyatan Malaysia walaupun sudah dua puluh tahun menetap di England. Dia tidak menghadapi sebarang kesulitan tinggal di sana kerana dia mudah menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat setempat. Suraya mendapati kehidupan di England tidaklah sehebat yang disangkakan sebagaimana yang sering didengarnya sebelum ini. Namun dia terpaksa meneruskan kehidupannya di sana kerana kontrak kerjanya masih belum tamat.

[6 markah]

poli andni - bersemu
 ubi dip selu
 poli jru - lewidi
 ubi dip
 jatu

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa... (*akhirnya kau tewas jua*) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussin
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Pengarang sesebuah novel memaparkan banyak pengajaran yang berguna untuk mendidik masyarakat.

Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda telah pelajari, huraikan satu peristiwa yang memaparkan nilai kasih sayang dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT